JUZU' KE-30

SURAH AL-BAYYINAH

SURAH KE

98

SURAH AL-BAYYINAH

Surah Bukti Yang Jelas

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

8

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

لَمْ يَكُنِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿١﴾

رَسُولٌ مِّنَ ٱللَّهِ يَتْلُوا۟ صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٢﴾

فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٣﴾

وَمَا تَفَرَّقَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿٤﴾

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ فِى نَارِ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ شَرُّ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ خَيْرُ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾

جَزَآؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ رَبَّهُۥ ﴿٨﴾

"Orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terpisah (dari kekufuran) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas(1). Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an(2). Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai(3). Dan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci itu tidak berpecah-belah melainkan sesudah datang kepada mereka penerangan yang jelas(4). Dan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya serta berpegang teguh dengan tauhid dan supaya mereka mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Dan itulah agama yang benar(5). Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk(6). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh merekalah sebaik-baik makhluk(7). Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya. Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah. Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dalam mashaf dan di dalam kebanyakan riwayat, surah ini dikira turun di Madinah. Tetapi menurut setengah-setengah riwayat, surah ini diturunkan di Makkah. Walaupun dari segi riwayat dan dari segi gaya pengungkapan, menunjukkan surah ini lebih kuat diturunkan di Madinah, namun kemungkinannya diturunkan di Makkah tidak juga boleh diketepikan. Adanya sebutan zakat dan sebutan Ahlil-Kitab tidak boleh dijadikan bukti yang kukuh, kerana sebutan Ahlil-Kitab memang terdapat di dalam surah-surah yang telah dipastikan turunnya di Makkah, kerana di Makkah juga terdapat sesetengah Ahlil-Kitab yang beriman dan yang tidak beriman, begitu juga orang-orang Kristian dari Najran pernah datang menemui Rasulullah s.a.w. di Makkah dan terus beriman sebagaimana diketahui umum, begitu juga sebutan zakat terdapat di dalam surah-surah yang diturunkan di Makkah.

* * * * * *

Surah ini mengemukakan beberapa hakikat sejarah dan hakikat-hakikat keimanan dengan uslub laporan yang menguatkan bahawa surah ini diturunkan di Madinah di samping adanya riwayat-riwayat yang mengatakan demikian.

Hari Kebangkitan Rasulullah

Hakikat yang pertama ialah kebangkitan Rasulullah s.a.w. merupakan satu keperluan untuk memalingkan orang-orang kafir dari kaum Ahlil-Kitab, dan kaum Musyrikin dari kesesatan dan perselisihan yang telah mengongkong mereka. Tanpa kebangkitan itu

mereka tidak akan berganjak dari kesesatan dan perselisihan itu:

لَمْ يَكُنِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿١﴾ رَسُولٌ مِّنَ ٱللَّهِ يَتْلُوا۟ صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٢﴾ فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٣﴾

"Orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terpisah (dari kekufuran) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas(1). Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an(2). Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai."(3)

Hakikat Perselisihan Ahlil-Kitab

Hakikat yang kedua: Golongan Ahlil-Kitab tidak berselisih dan berpecah-belah di dalam agama mereka sebagai akibat dari kejahilan dan kekaburan, malah mereka berselisih sesudah datang kepada mereka penerangan dan bukti yang jelas:

وَمَا تَفَرَّقَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿٤﴾

"Dan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci itu tidak berpecah-belah melainkan sesudah datang kepada mereka penerangan yang jelas."(4)

Hakikat Kesatuan Agama Allah

Hakikat yang ketiga: Asal agama Allah itu satu sahaja, dan semua dasar-dasarnya mudah dan jelas tidak membawa kepada berpecah-belah dan perselisihan mengenai dasar-dasar itu dan tabi'atnya yang mudah:

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

"Dan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya serta berpegang teguh dengan tauhid dan supaya mereka menunaikan solat dan memberi zakat. Dan itulah agama yang benar."(5)

Hakikat Orang-orang Kafir

Hakikat yang keempat: Orang-orang yang kafir setelah datang kepada mereka bukti yang jelas adalah sejahat-jahat makhluk. Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh adalah sebaik-baik makhluk. Kerana itulah balasan yang diterima oleh kedua-dua golongan itu amat jauh bezanya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ فِى نَارِ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمْ شَرُّ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمْ خَيْرُ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾ جَزَآؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّـٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ رَبَّهُۥ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk(6). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh merekalah sebaik-baik makhluk(7). Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya. Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah. Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8)

Inilah empat hakikat yang amat berharga untuk memahami peranan 'aqidah Islamiyah dan peranan kerasulan Muhammad s.a.w. yang akhir, juga untuk memahami persepsi keimanan sebagaimana kami akan jelaskan selepas ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

لَمْ يَكُنِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿١﴾ رَسُولٌ مِّنَ ٱللَّهِ يَتْلُوا۟ صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٢﴾ فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٣﴾

"Orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terpisah (dari kekufuran) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas(1). Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an(2). Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai."(3)

Dunia Perlukan Kebangkitan Rasul Yang Baru

Dunia di waktu itu amat memerlukan kepada kebangkitan rasul yang baru, kerana kerosakan telah bermaharajalela di merata pelosoknya, dan tiada

harapan untuk membetulkan kerosakan itu melainkan dengan kebangkitan rasul yang baru, sistem hidup yang baru dan gerakan yang baru. Kekufuran di waktu itu telah merosakkan kepercayaan-kepercayaan semua penduduk dunia sama ada golongan Ahlil-Kitab yang mengenal agama-agama samawi sebelum ini yang kemudian mereka ubahkannya, atau kaum-kaum Musyrikin yang berada di Semenanjung Tanah Arab atau di luarnya.

Mereka tidak akan terpisah atau berganjak dari kekufuran ini yang menjadi pegangan mereka melainkan deagan kerasulan yang baru dan melainkan di tangan seorang rasul yang baru yang ia sendiri merupakan sebagai bukti yang jelas yang memisahkan di antara yang hak dan yang batil:

رَسُولٌ مِّنَ ٱللَّهِ يَتْلُوا۟ صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٢﴾

"Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an."(2)

Iaitu suci dari kepercayaan-kepercayaan syirik dan kufur.

فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٣﴾

"Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai." (3)

Makna Kitab

Kata-kata **"Kitab"** secara umumnya bererti **maudhu'** seperti kitab at-Taharah (maudhu' yang membicarakan Taharah), kitab as-Solat (maudhu' yang membicarakan solat), kitab al-Qadr (maudhu' yang membicarakan Qadha' dan Qadar), dan kitab al-Qiamat (maudhu' yang membicarakan Qiamat). Jadi **"lembaran-lembaran yang suci"** yang dimaksudkan di sini ialah Al-Qur'anul-Karim yang mengandungi maudhu'-maudhu' pembicaraan dan hakikat-hakikat yang amat berharga.

Kerana itu kebangkitan rasul yang baru ini telah datang pada waktunya yang tepat, dan kitab suci yang mengandungi hakikat-hakikat dan berbagai-bagai maudhu' pembicaraan itu juga telah diturunkan untuk menimbulkan satu-satunya perubahan yang baik di muka bumi. Untuk menerangkan bagaimana dunia di waktu itu amat memerlukan kepada kebangkitan rasul yang baru, cukuplah kami petikkan di sini beberapa tinjauan dari sebuah buku yang bernilai yang ditulis oleh seorang tokoh Islam as-Sayyid Abul-Hasan Ali al-Hasani an-Nadawi berjudul "ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين". Inilah tinjauan yang paling jelas dan ringkas yang pernah kami baca dalam maudhu' ini. Dalam *"Bahagian Pertama dan Bab Pertama"* tersebut begini:

Keadaan Manusia Di Abad Keenam Dan Ketujuh Masihi Sebelum Kebangkitan Rasul

"Abad yang keenam dan yang ketujuh Masihi merupakan abad-abad yang paling mundur di dalam sejarah, kerana umat manusia telah berada di dalam kejatuhan sejak berabad-abad lamanya. Tiada satu kuasa di muka bumi yang dapat menahan umat manusia dari kejatuhan itu. Semakin lama semakin bertambah teruk dan cepat kejatuhannya. Manusia di dalam abad itu telah lupakan Allah Penciptanya, lupakan dirinya dan masa depannya. Ia telah kehilangan akalnya dan daya beza di antara yang baik dan yang jahat, yang elok dan yang buruk. Suara da'wah para Anbia' telah lama hilang, dan pelita-pelita yang dinyalakan mereka telah padam di tiup angin ribut yang berlaku selepas mereka, atau masih ada lagi, tetapi dengan apinya atau cahayanya yang sangat lemah dan kecil yang hanya dapat menerangi setengah-setengah hati sahaja, dan jauh sekali untuk menerangi rumah-rumah dan negeri-negeri. Ahli-ahli agama telah menarik diri dari medan kehidupan. Mereka berlindung di biara-biara, gereja-gereja dan tempat-tempat yang terpencil untuk menyelamatkan agama mereka dari fitnah-fitnah, untuk menjaga keselamatan diri mereka atau untuk mencari ketenangan dan ketenteraman atau untuk menghindarkan diri dari bebanan-bebanan dan kepenatan mencari kehidupan atau kerana gagal dalam perjuangan agama, politik, rohaniyah dan kebendaan. Sementara ahli-ahli agama yang masih berada di dalam gelombang kehidupan terus berbaik-baik dengan raja-raja dan ahli-ahli dunia dan bekerjasama dengan mereka di dalam kegiatan-kegiatan mereka yang berdosa dan zalim, mereka juga turut makan harta rakyat dengan jalan yang tidak sebenar.

Agama-agama Besar Telah Kehilangan Roh Dan Bentuknya

"Agama-agama yang besar di masa itu telah menjadi korban golongan perosak, oportunis, pendusta-pendusta dan golongan-golongan Munafiqin, sehingga agama-agama itu hilang roh dan bentuknya. Andainya para rasul yang membawa agama-agama itu dibangkitkannya kembali, tentulah mereka tidak mengenalinya. Pada masa itu juga negeri-negeri yang menjadi pusat-pusat tamadun, kebudayaan dan politik telah bertukar menjadi panggung-panggung kekacauan, keruntuhan, kerosakan peraturan dan pentadbiran dan kezaliman para pemerintah. Negeri-negeri itu sibuk dengan masalah-masalah dirinya, tidak lagi mampu untuk membawa risalah dan da'wah kepada umat-umat dunia. Segala moral dan semangatnya bankrap, dan segala sumber hidupnya kekeringan. Ia tidak memiliki punca-punca agama Allah yang bersih, dan tidak pula memiliki peraturan-peraturan yang tetap dari pemerintahan manusia."

Inilah satu tinjauan sepintas lalu menggambarkan secara umum keadaan manusia dan agama-agama sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. Al-Qur'an sendiri telah menunjukkan gejala-gejala kekufuran yang melibatkan golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin di berbagai-bagai tempat dalam Al-Qur'an. Di antaranya ialah firman Allah 'Azzawajalla mengenai kekufuran orang-orang Yahudi dan Nasara:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ عُزَيْرٌ ٱبْنُ ٱللَّهِ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَى

ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ ٱللَّهِ

"Dan orang-orang Yahudi berkata: 'Uzayr itu putera Allah, dan orang-orang Kristian pula berkata al-Masih itu putera Allah."

(Surah at-Taubah: 30)

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ لَيْسَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ عَلَىٰ شَىْءٍ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ لَيْسَتِ ٱلْيَهُودُ عَلَىٰ شَىْءٍ

"Dan orang-orang Yahudi berkata: Orang-orang Kristian itu tidak mempunyai apa-apa pegangan yang benar. Dan orang-orang Kristian pula berkata: Orang-orang Yahudi itu tidak mempunyai apa-apa pegangan yang benar."

(Surah al-Baqarah: 113)

Kekufuran Yahudi

Firman Allah Ta'ala mengenai kekufuran orang-orang Yahudi:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ

"Dan orang-orang Yahudi berkata: Tangan Allah itu terbelenggu (kikir), tangan merekalah yang terbelenggu, dan mereka telah dilaknatkan dengan sebab kata-kata mereka (yang keji), malah yang sebenarnya tangan Allah sentiasa terbuka (pemurah), Ia membelanja mengikut kehendak-Nya."

(Surah al-Ma'idah: 64)

Kekufuran Nasara

Firman Allah mengenai kekufuran orang-orang Kristian:

لَقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam."

(Surah al-Mai'dah: 72)

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah salah satu dari tiga."

(Surah al-Mai'dah: 73)

Kekufuran Musyrikin

Firman Allah mengenai kekufuran kaum Musyrikin:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾
لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾
وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾
وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾
وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾
لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ﴿٦﴾

"Katalah (wahai Muhammad!): Wahai orang-orang kafir(1). Aku tidak sembah apa yang kamu sembah(2). Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(3). Dan aku bukannya penyembah-penyembah tuhan yang kamu sembah(4). Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(5). Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

(Surah al-Kafirun)

Dan selama ini terdapat berbagai-bagai ayat lagi.

Di sebalik kekufuran ini, muncullah berbagai-bagai kejahatan, kemunduran, pertelingkahan dan keruntuhan yang merata di dunia ini.

Kebangkitan Rasul Menyelamatkan Umat Manusia

> "Pendeknya, tidak ada di dunia di waktu itu satu umat yang baik dan satu masyarakat yang tegak di atas akhlak dan budi pekerti yang mulia, tidak ada kerajaan yang dilandaskan di atas asas-asas keadilan dan rahmat kasihan belas, dan tidak ada kepimpinan yang ditegakkan atas lunas-lunas ilmu pengetahuan dan hikmat kebijaksanaan, dan tidak ada satu agama yang betul yang diwarisi dari para Anbia'.[1]

Kerana itu Allah dengan limpah rahmat-Nya telah memutus untuk mengutuskan seorang Rasul dari-Nya untuk membaca Al-Qur'an selaku lembaran-lembaran suci yang mengandungi berbagai-bagai maudhu' yang bernilai. Di samping itu orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan berganjak dari kejahatan dan kerosakan 'aqidah mereka melainkan dengan kebangkitan Rasul ini yang akan bertindak sebagai penyelamat dan penunjuk ke jalan yang benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Perpecahan Kaum-kaum Ahlil-Kitab

Setelah Allah mengemukakan hakikat ini di permulaan surah, ia menegaskan pula bahawa golongan Ahlil-Kitab itu tidak berpecahbelah dan berselisih di antara mereka dalam 'aqidah agama dengan sebab-sebab kejahilan mereka atau dengan sebab-sebab ketidakjelasan atau kerumitan untuk memahami agama itu, malah mereka berpecahbelah dan berselisih setelah datang kepada mereka ilmu pengetahuan yang cukup dan penerangan yang jelas

---

[1] *Lihat buku* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

mengenai agama mereka yang telah disampaikan oleh para rasul yang diutuskan kepada mereka:

"Dan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci itu tidak berpecahbelah melainkan sesudah datang kepada mereka penerangan yang jelas."(4)

Perpecahan dan perselisihan yang pertama adalah berlaku di antara golongan-golongan umat Yahudi sebelum dibangkitkan Nabi Isa a.s. Mereka telah berpecahbelah kepada berbagai-bagai golongan dan puak, sedangkan rasul mereka ialah Nabi Musa a.s. dan kitab suci mereka ialah at-Taurat. Mereka membentuk lima golongan yang besar iaitu golongan Saduqiyyin[2], golongan Farisiyyin[3], golongan Aasiyyin[4], golongan pelampau dan golongan Samiriyyin[5]. Setiap golongan mempunyai ciri-ciri dan arah tujuan masing-masing. Kemudian perpecahan dan perselisihan berlaku di antara orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian, sedangkan Nabi Isa a.s. itu sendiri merupakan salah seorang dari nabi mereka yang terakhir yang datang untuk mengesahkan kitab suci (at-Taurat) yang dikurniakan kepada mereka sebelum ini, namun demikian perselisihan dan pertelingkahan yang tercetus di antara orang-orang Yahudi dan Kristian telah sampai ke peringkat perseteruan yang ketat dan dendam kesumat yang keji. Berbagai-bagai peristiwa pembunuhan beramai-ramai yang kejam dan mengerikan telah berlaku di antara dua puak itu sebagaimana dicatatkan oleh sejarah.

Persengketaan Sengit Di Antara Kaum Yahudi Dan Kaum Kristian

"Peristiwa-peristiwa permusuhan dan persengketaan di antara orang-orang Yahudi dan Kristian telah tercetus kembali di awal abad yang ketujuh. Pada tahun yang akhir dari pemerintahan Seri Maharaja Pokas (610 M), orang-orang Yahudi telah menyerang orang-orang Kristian di Antakya[6]. Untuk memadamkan pemberontakan itu Seri Maharaja telah mengirim seorang panglimanya bernama Abnosus. Beliau berlepas ke sana dan menjalankan tugasnya dengan keganasan dan kekejaman yang jarang berlaku. Beliau telah membunuh semua orang Yahudi. Mereka dibunuh dengan pedang, digantung, dimati-lemaskan di dalam air, dibakar, disiksa dan dicampakkan kepada binatang-binatang buas. Kejadian yang seperti itu telah berlaku berulang-ulang kali. Dalam bukunya al-Khutat al-Maqrizi menulis: Di zaman Seri Maharaja Rome Puqa, baginda Seri Maharaja Parsi telah menghantar bala tenteranya ke negeri-negeri Syam dan Mesir, lalu mereka meruntuhkan gereja-gereja di Quds, di Palestin dan di kebanyakan negeri-negeri di Syam. Mereka membunuh semua orang Kristian. Di Mesir juga mereka memburu orang-orang Kristian dan membunuh sebahagian besar dari mereka. Sementara jumlah yang ditawan amat banyak pula. Orang-orang Yahudi turut membantu askar-askar itu di dalam usaha memerangi orang-orang Kristian dan merobohkan gereja-gereja mereka. Kemudian dari Tabriyah mereka mara ke negeri-negeri al-Furs, Jabal al-Jalil, Kampung an-Nasirah dan bandar Sur dan negeri-negeri al-Quds, lalu mereka membunuh dan menyeksa orang Kristian dengan buas dan kejam, mereka telah meroboh dua buah gereja di al-Quds, dan mereka membakar rumah-rumah kediaman dan merampas sebatang tiang salib dan menawan Paderi Besar al-Quds dan sebilangan besar dari sahabat-sahabatnya.

Fatwa Paderi-paderi Kristian Untuk Membunuh Kaum Yahudi

"Al-Maqrizi berkata lagi ketika menyebut cerita penaklukan al-Quds: Ketika itulah orang-orang Yahudi di bandar Sur bangkit memberontak dan mengerahkan saki-baki orang-orangnya, lalu mereka berpakat menyerang dan membunuh orang-orang Kristian. Satu peperangan tercetus di antara Yahudi dan Kristian dan di dalam peperangan itu orang-orang Yahudi telah mengumpul tentera-tenteranya seramai kira-kira dua puluh ribu orang. Mereka telah meruntuhkan gereja-gereja Kristian di luar negeri Sur. Kemudian orang-orang Kristian menyerang balas orang-orang Yahudi dengan tentera-tentera yang lebih ramai, menyebabkan orang-orang Yahudi menerima kekalahan yang teruk dan ramai dari mereka terbunuh. Seri Maharaja Heraclius pemerintah Rom di Qustantiniyah (Constantinople) telah berjaya mengalahkan pemerintah Parsi dengan suatu tipu helah yang dilakukan terhadap Seri Maharaja Parsi sehingga baginda keluar darinya. Dan dari Qustantiniyah, baginda keluar untuk menubuhkan kerajaan-kerajaan Syam dan Mesir, dan membangunkan semula apa yang diruntuhkan oleh kerajaan Parsi. Orang-orang Yahudi dari Tabriyah dan lain-lain tempat telah keluar beramai-ramai menyambut kedatangan baginda. Mereka mempersembahkan berbagai-bagai hadiah yang mahal kepada baginda, dan apabila mereka memohon kepada baginda supaya, memberi keamanan kepada mereka, baginda telah bersumpah untuk memenuhi permintaan mereka. Setelah itu baginda memasuki negeri al-Quds, di sana baginda disambut pula oleh orang-orang Kristian dengan kitab-kitab suci Injil, salib-salib, pembakaran-pembakaran kemenyan dan lilin yang dipasang. Baginda dapati rumah-rumah dan bangunan-bangunan gereja di bandar itu telah roboh dan runtuh. Pemandangan itu amat menyedihkan baginda, lalu baginda menyatakan simpatinya kepada penduduk-penduduknya. Kemudian orang Kristian memberitahu baginda tentang orang-orang Yahudi yang telah

---

[2] *Sadducees.*

[3] *Pharisees.*

[4] *Essenes.*

[5] *Samaritans.*

[6] *Sebuah bandar yang terletak di pesisiran pantai Mediterranean di Turki.*

mencetuskan pemberontakan bersama orang-orang Parsi dan tindakan-tindakan mereka membunuh orang-orang Kristian dan merobohkan gereja-gereja dengan keganasan yang melebihi keganasan orang-orang Parsi, dan merekalah yang membunuh semua orang Kristian. Akhirnya mereka meminta Seri Maharaja Heraclius supaya bertindak ke atas orang-orang Yahudi itu, tetapi baginda membantah dengan alasan kerana baginda telah pun memberi janji keamanan kepada mereka. Kemudian para paderi Kristian telah mengeluarkan fatwa yang menghalalkan baginda membunuh orang-orang Yahudi, kerana mereka telah menipu baginda dalam mendapatkan keamanan itu. Sedangkan baginda tidak tahu keganasan yang telah dilakukan mereka. Selanjutnya para paderi itu menyatakan kesanggupan mereka untuk membayar kifarat langgar sumpah dengan mewajibkan diri mereka dan semua orang Kristian berpuasa satu hari Jumaat pada setiap tahun sebagai ganti baginda buat selama-lamanya. Baginda tertarik dengan cadangan mereka, lalu bertindak menyerang orang-orang Yahudi dengan ganasnya dan menghapuskan semua mereka di negeri itu sehingga tidak ada lagi orang Yahudi di dalam negeri-negeri di bawah pemerintahan Rom di Mesir dan di Syam kecuali mereka yang sempat melarikan diri dan bersembunyi.

"Dari cerita-cerita sejarah ini dapatlah diketahui bagaimana kejam dan ganasnya kedua-dua pihak Yahudi dan Kristian itu terhadap darah manusia dan bagaimana kedua-dua mereka sentiasa menunggu peluang untuk menyerang musuhnya tanpa menghormati batas-batas yang wajar."[7]

Perpecahan Dalam Kalangan Kaum Kristian

Selain dari itu ialah perpecahan dan pertelingkahan di dalam kalangan orang-orang Kristian: sendiri, walaupun kitab suci mereka satu dan nabi mereka juga satu. Mula-mula mereka berpecahbelah dan bertelingkah dalam perkara 'aqidah, kemudian mereka terus berpecahbelah dan bertelingkah hingga melahirkan berbagai-bagai puak yang bermusuh ketat terhadap satu sama lain. Perselisihan mereka berlaku di sekitar sifat al-Masih Isa a.s., sama ada ia bersifat dengan sifat ketuhanan (Lahutiyah) atau bersifat dengan sifat kemanusiaan (Nasutiyah), begitu juga sifat bondanya Maryam dan sifat tiga uqnum (dalam kepercayaan triniti) yang membentuk "Allah" menurut anggapan mereka. Al-Qur'an telah menceritakan hal ini di dalam ayat-ayat berikut:

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam."

(Surah al-Mai'dah: 72)

لَّقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah salah satu dari tiga."

(Surah al-Ma'idah: 73)

وَإِذْ قَالَ اللَّهُ يَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ أَأَنتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ اتَّخِذُونِي وَأُمِّيَ إِلَٰهَيْنِ مِن دُونِ اللَّهِ

"Dan kenangilah ketika Allah berfirman: Wahai Isa! Benarkah engkau berkata kepada orang ramai, ambillah aku dan ibuku sebagai dua tuhan selain dari Allah?

(Surah al-Ma'idah: 116)

"Perselisihan mengenai 'aqidah agama yang paling sengit ialah perselisihan di antara golongan Kristian Syam dan kerajaan Rom dengan golongan Kristian Mesir, atau lebih tepat di antara golongan Malakaniyah dengan golongan Manupusiyah. 'Aqidah yang menjadi pegangan Malakaniyah ialah al-Masih itu mempunyai dua sifat iaitu sifat ketuhanan dan sifat kemanusiaan. Sedangkan 'aqidah yang dipegang oleh golongan Manupusiyah ialah al-Masih itu hanya mempunyai satu sifat sahaja iaitu sifat ketuhanan dan di dalam sifat ketuhanan inilah lenyapnya sifat kemanusiaan al-Masih seperti lenyapnya setitis cuka di lautan dalam yang tiada berdasar. Perselisihan ini telah memuncak hebat di antara dua golongan itu dalam abad yang keenam dan yang ketujuh hingga merupakan satu peperangan yang tak kunjung berhenti di antara dua golongan yang bertelagah itu, atau seolah-olah seperti pertelagahan di antara orang-orang Yahudi dengan orang-orang Kristian. Setiap pihak menuduh lawannya sebagai puak yang tidak sedikit pun mempunyai pegangan yang betul.

"Seri Maharaja Heraclius (610 - 641) telah berusaha, selepas baginda berjaya mengalahkan kerajaan Parsi (pada tahun 638) untuk menyatukan aliran pemikiran golongan-golongan yang bertelingkah itu. Baginda mahu menyelaraskan semua aliran itu dan satu ketetapan penyelarasan telah dibuat iaitu orang ramai hendaklah menghindarkan diri dari memperkatakan masalah hakikat sifat al-Masih sama ada beliau mempunyai satu atau dua sifat, dan apa yang wajib di atas mereka beriktikad ialah mengaku atau bersaksi bahawa Allah itu hanya mempunyai satu iradat atau satu qadha' sahaja. Ketetapan itu telah dipersetujui pada awal tahun 631 dan dipilih sebagai mazhab rasmi kerajaan dan kakitangannya yang menjadi pengikut gereja Kristian.

"Baginda berazam untuk meletakkan mazhab yang baru ini mengatasi semua mazhab yang bertentangan dengannya dengan menggunakan berbagai cara dan sarana, akan tetapi orang-orang Kristian Qibti telah berdiri menentang baginda. Mereka menolak bid'ah dan penyelewengan ini. Mereka menentang habis-habisan dan bermati-matian untuk mempertahankan 'aqidah mereka

---

[7] *Dari buku* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

yang lama. Sekali lagi baginda Heraclius berusaha untuk menyatukan mazhab-mazhab itu dan menghapuskan perselisihan itu dengan membuat satu ketetapan baru supaya orang ramai beriktikad bahawa Allah itu mempunyai satu iradat. Adapun mengenai masalah kelulusan iradat itu secara praktikal, baginda tundakan dahulu keputusannya dan melarang orang ramai memperkata dan memperdebatkannya.

"Baginda jadikan keputusan ini sebagai satu risalah rasmi negara yang dibawa baginda ke seluruh alam Timur. Tetapi risalah itu tidak dapat menenangkan ribut di Mesir. Dan akhirnya terjadilah satu penindasan yang ganas dilakukan oleh pemerintah Rom di Mesir dan berlanjutan selama sepuluh tahun. Di dalam masa itulah terjadi berbagai-bagai keganasan yang mengerikan. Ada mereka yang diseksa kemudian dibunuh dengan melemaskan mereka di dalam air. Ada yang dibakar dengan api jamu hingga lemak-lemak dari lambung-lambung mereka meleleh ke lantai. Ada yang dimasukkan ke dalam guni-guni yang diisi dengan pasir, kemudian dibuang ke laut dan sebagainya dari kekejaman-kekejaman yang mengerikan."[8]

Seluruh pertelingkahan dan perselisihan ini adalah berlaku di antara golongan-golongan Ahlil-Kitab semuanya setelah mereka menerima penerangan-penerangan yang jelas. Mereka bukannya kurang ilmu pengetahuan dan penerangan, tetapi mereka adalah dihanyutkan oleh hawa nafsu dan penyelewengan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 5)

Asal agama itu jelas dan terang dan asal 'aqidah itu mudah:

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

"Dan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya serta berpegang teguh dengan tauhid dan supaya mereka mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Dan itulah agama yang benar."(5)

Inilah asas-asas agama Allah secara umumnya:

Ciri-ciri Agama Yang Benar

Ibadat kepada Allah Yang Tunggal, mengikhlaskan keta'atan kepada Allah, menjauhi syirik dan pendokong-pendokongnya, mendirikan solat dan menunaikan zakat itulah agama yang benar. Pendeknya ciri agama yang benar ialah 'aqidah yang bersih di dalam hati. Dan ibadat yang tulus ikhlas kepada Allah itu adalah juru bahasa yang menterjemahkan 'aqidah itu. Menunaikan zakat ialah membelanjakan harta untuk jalan Allah. Oleh itu, barang siapa yang menegakkan asas-asas ini bererti ia telah menegakkan iman. Itulah yang diperintahkan Allah kepada Ahlil-Kitab, dan inilah asas agama Allah yang menyeluruh, iaitu satu agama dan satu 'aqidah yang dibawa oleh semua agama samawi dan diperjuangkan oleh para rasul silih berganti. Satu agama yang jelas tidak samar-samar dan tidak berbelit-belit. Satu 'aqidah yang tidak membawa kepada pecah-belah dan selisih faham. Dengan penerangan yang sejelas, seringkas dan semudah inilah ditegakkan 'aqidah ini, amatlah jauh jika dibandingkan dengan kefahaman-kefahaman yang berbelit-belit dan perdebatan-perdebatan yang beranekaragam itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Apabila mereka telah menerima penerangan-penerangan yang jelas dari para rasul mereka di zaman dahulu, kemudian menerima pula penerangan-penerangan yang jelas dari Muhammad Rasulullah s.a.w. yang membaca kitab suci Al-Qur'an dan menghidangkan 'aqidah Islam yang jelas dan mudah, maka bererti jalan yang benar telah terbentang nyata, dan nasib kesudahan yang menunggu orang-orang yang beriman dan orang-orang yang tidak beriman juga turut jelas dan nyata:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ فِى نَارِ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ شَرُّ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ خَيْرُ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾

جَزَآؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ رَبَّهُۥ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk(6). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, merekalah sebaik-baik makhluk(7). Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya. Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah. Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8)

---

[8] *Dari buku* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

Rasul Dan Risalah Yang Terakhir

Sesungguhnya Muhammad s.a.w. merupakan rasul yang terakhir dan agama Islam yang dibawa oleh beliau merupakan risalah yang terakhir. Para rasul datang bersilih ganti setiap kali dunia dilanda kerosakan untuk mengembalikan umat manusia kepada kebaikan. Di sana peluang demi peluang, tempoh demi tempoh dibuka kepada manusia-manusia yang menyeleweng dari jalan yang benar, tetapi setelah terlaksana kehendak Allah yang mengakhirkan risalah-risalahnya ke bumi dengan risalah Islam yang terakhir dan serba lengkap ini, maka peluang yang terakhir itu telah ditutupkan. Memilih iman bererti memilih keselamatan, dan memilih kufur bererti memilih kebinasaan. Jika kekufuran melambangkan kejahatan yang tidak terbatas, maka keimanan melambangkan kebajikan yang setinggi-tingginya.

Golongan Kafir Merupakan Sejahat-jahat Makhluk

"Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk."(6)

Ini merupakan satu hukuman muktamad yang tidak dapat dipertikaikan lagi, biarpun bagaimana baik setengah-setengah amalan mereka, adab sopan mereka dan peraturan-peraturan yang diciptakan mereka selama ia tidak ditegakkan di atas keimanan kepada agama dan kepada Rasul yang terakhir ini. Kita tidak seharusnya ragu-ragu terhadap keputusan ini kerana terpengaruh kepada mana-mana gejala kebaikan yang terputus hubungannya dengan agama Allah yang tetap dan lurus.

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, merekalah sebaik-baik makhluk."(7)

Golongan Mu'min Merupakan Sebaik Makhluk

Ini juga merupakan satu keputusan muktamad yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Tetapi syarat-syarat keputusan itu juga jelas dan nyata iaitu iman sejati bukan semata-mata kerana dilahirkan di negeri Islam atau lahir di rumah orang yang mengaku dirinya sebagai orang-orang Islam, dan bukan semata-mata mengucapkan beberapa kalimah dengan sepenuh mulut. Iman sejati ialah iman yang melahirkan kesan-kesannya dalam kegiatan hidup seharian dalam bentuk amalan-amalan soleh, bukan semata-mata kata-kata di atas bibir. Amalan-amalan yang soleh ialah segala sesuatu yang disuruh Allah dari amalan-amalan ibadat, budi pekerti yang baik, bekerja atau berusaha dan bermu'amalah, dan yang paling utamanya ialah berusaha menegakkan syari'at Allah di bumi dan menghukumkan manusia dengan undang-undang Allah. Orang-orang yang sanggup berbuat demikian merekalah sebaik-baik makhluk.

جَزَآؤُهُمۡ عِندَ رَبِّهِمۡ جَنَّٰتُ عَدۡنٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدٗاۖ

"Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya."(8)

Taman-taman Syurga

Taman-taman Syurga untuk kediaman yang kekal abadi dalam ni'mat-ni'matnya itu menggambarkan keamanan dari kefanaan dan kehilangan, juga menggambarkan ketenteraman dari sebarang kegelisahan yang biasa mengeruhkan kehidupan di bumi. Sungai-sungai yang mengalir di bawah Syurga menggambarkan suasana basah, sejuk, segar dan indah.

Kemudian ayat yang berikut meningkat sedarjah atau beberapa darjah yang lebih tinggi dalam menggambarkan ni'mat yang kekal abadi ini:

رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُۚ

"Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah."(8)

Keredhaan dari Allah merupakan kemuncak segala ni'mat. Keredhaan mereka terhadap Allah ialah keredhaan terhadap qadha' dan qadar Allah ke atas mereka, keredhaan terhadap limpah kurnia Allah kepada mereka dan terhadap hubungan murni yang wujud di antara mereka dengan Allah, juga keredhaan dan kepuasan hati yang menyelubungi jiwa mereka dengan rasa-rasa ketenangan, kesukaan dan kegembiraan yang jernih dan mendalam.

Ungkapan ini sendiri dapat memberi bayangan-bayangan maksudnya yang seni, sedangkan ungkapan-ungkapan yang lain dari Al-Qur'an tidak mampu memberi bayangan-bayangan maksud yang sama dengannya.

"Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8)

Keredhaan Allah Kemuncak Segala Ni'mat

Ini satu penegasan terakhir bahawa segala balasan itu adalah terhenti di atas hubungan hati dengan Allah iaitu perasaan takut kepada Allah yang menjadi pendorong kepada segala yang baik dan penghalang dari segala penyelewengan. Perasaan inilah yang

menghapuskan segala dinding dan tabir dan menjadikan hati seseorang berdiri bulat di depan Allah Yang Maha Tunggal dan Maha Kuasa.

Orang-orang yang beribadat dengan ikhlas dan beramal dengan ikhlas dan bersih dari kekotoran ria' dan segala bentuk syirik, dan orang-orang yang benar-benar takutkan Allah, tidak akan terlintas dalam hatinya sebarang bayangan makhluk selain dari Allah, kerana dia sedar bahawa Allah akan menolak segala amalan yang dituju oleh seseorang kepada yang lain dari-Nya di samping dituju sama kepada-Nya. Allah itu Maha Kaya. Ia tidak perlu kepada kongsi atau sekutu, kerana itu hanya amalan yang ikhlas kepada-Nya sahaja yang diterima dan amalan yang tidak ikhlas kepada-Nya tidak akan diterimanya.

* * * * * *

Inilah empat hakikat agung yang menjadi intipati pembicaraan surah yang pendek ini. Ia dibentangkan oleh Al-Qur'an dengan uslubnya yang tersendiri yang begitu ketara dalam surah-surah yang pendek ini.

* * * * * *